

Inspira^{Inside}

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
الجامعة الوطنية للتربية والتعليم
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 36: 7 Oktober 2024

Jangan tolak ansur rasuah, salah guna kuasa - PM Anwar

Tanjong Malim, 5 Oktober - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan masyarakat agar memberikan sokongan kepada usaha kerajaan dalam memerangi rasuah dan penyalahgunaan kuasa, kebajikan setiap pelajar, khususnya mereka yang memerlukan, sejajar dengan misi universiti untuk melahirkan insan yang bukan sahaja berilmu, malah prihatin terhadap kesejahteraan masyarakat sekeliling.

Beliau berkata kerajaan akan mengambil sikap tegas terhadap individu yang mengaut kekayaan negara tanpa rasa tanggungjawab, sama ada pada masa lalu mahupun kini. "Pendekatan tegas terhadap rasuah dan penyalahgunaan kuasa sering kali dijadikan alasan politik. Ada yang berkata, 'Oh, kasihan, dia dulu berjasa...semua orang pernah berjasa; ketua kampung, penghulu, dan tok imam juga berjasa. 'Tetapi, bolehkah mereka yang berjasa itu mencuri duit masjid? Sudah tentu tidak. Mengapa pula seorang menteri kewangan, jika beranggapan dirinya berjasa, boleh mencuri berbilion ringgit?'" katanya ketika berucap pada majlis Syarahan Za'ba Seabad Pemikir Kemiskinan dan Hari Akademia Negara di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad, Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Zambry Abdul Kadir serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Chang Lih Kang. Sementara itu, Perdana Menteri mencabar bekas pemimpin yang mengaut kekayaan menerusi hasil negara sebelum ini agar memulangkan wang tersebut kepada rakyat dan negara.

Anwar menegaskan bahawa individu terbabit tidak sepatutnya hanya bercakap "kosong" dengan sering mengaitkan perjuangan mereka untuk

membela nasib bangsa, sedangkan tindakan itu tidak ditunjukkan. "Jika benar pemimpin-pemimpin Melayu yang merompak harta negara ini memiliki kekayaan berbilion ringgit, saya ingin bertanya: Benarkah kamu pejuang sejati? Benarkah kamu akan terus membela nasib Melayu? Kemudian, saya ingin tahu, berapa banyak harta yang kamu miliki sekarang? "...sebaiknya, sebagai seorang pejuang yang tulen, pulangkan semula wang yang kamu curi itu kepada rakyat dan negara," katanya.

Pada majlis hari ini, Anwar turut menyampaikan ucap tama dengan tajuk "Menoktahkan Kemiskinan Demi Kesejahteraan Rakyat" di hadapan kira-kira 5,000 hadirin yang terdiri daripada pelajar, warga UPSI dan masyarakat setempat, sebelum melakukan gimik peluncuran Kempen Guru Bangsa dan Akademia Negara. Perdana Menteri turut menyampaikan Anugerah Akademia Negara Sepanjang Zaman kepada Allahyarham Tan Sri Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), yang diterima oleh cucu Za'ba iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pelancongan Sarawak (STB) Sharzede Salleh Askor. Anwar juga menyerahkan dana yang diluluskan bagi Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI) kepada lima penerima di Perak, selain menyampaikan Manfaat Skim Insurans Kesejahteraan Rakyat (SIKR) kepada empat penerima.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Sambutan Maulidur Rasul UPSI Bina Ukhwah Dengan Masyarakat

Tanjong Malim, 2 Oktober - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan komuniti berpisah tiada dan hubungan ukhwah akan dipastikan memberikan manfaat kepada penduduk setempat. Menurut Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff, sambutan Maulidur Rasul yang diadakan di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah hari ini bukan sahaja sebagai hanya sambutan, tetapi penghayatan dalam kehidupan seharian. “Majlis sambutan anjuran Pusat

Islam UPSI dengan kerjasama Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah Muallim(JAIPk) dan Pejabat Baitulmal Daerah Muallim, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) itu menyaksikan terjalin ukhwah, kesatuan, kasih sayang dan semangat warga UPSI dalam menghayati perjuangan junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

“Semoga semangat, iltizam dan keyakinan ini dapat membina dan memupuk ukhuwah sesama kita semua,” katanya. Jemaah Masjid Al-Hidayah

Bandar Behrang 2020 dipilih mewakili masyarakat setempat untuk berarak bersama kontinjen lain yang membabitkan warga UPSI.

Seramai 24 kontinjen yang terdiri daripada kakitangan universiti memeriahkan perarakan Sambutan Maulidur Rasul peringkat UPSI yang bertemakan “Al-Falah Pemacu Malaysia Madani” seawal jam 7.30 pagi. Beliau berkata, majlis sambutan yang diadakan pada kali ini adalah anjuran kali ke-3 bermula tahun 2022 sehingga tahun ini.



Pelajar baharu UPSI miliki pencapaian hebat

Tanjong Malim, 30 September - Pelajar baharu Ijazah Sarjana Muda yang mendaftar di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Sabtu lalu, mempunyai latar belakang yang cemerlang dari segi pencapaian akademik, sukan, kepimpinan dan kokurikulum.

UPSI menerusi kenyataan berkata Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff mengundang beberapa pelajar berkongsi pengalaman bagi merangkul kejayaan dalam bidang inovasi, pencipta perisian akademik, atlet sukan negara serta bakat kepimpinan sewaktu sekolah, matrikulasi dan prauniversiti. Semalam, seramai 4,195 pelajar baharu Ijazah Sarjana Muda melafazkan ikrar pada Majlis Ikrar Pelajar UPSI Ambilan September 2024/2025 di Dewan

Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City. Prof. Md Amin berkata majlis yang diadakan itu menjadi medium bagi mengenali pelajar dengan lebih lanjut dari segi pencapaian yang berjaya diperolehi sebelum ini.

“Kita lihat ada pelajar kita yang memperoleh juara dalam *Innovator*, Juara dalam Tilawah Al-Quran walaupun mempunyai masalah cacat penglihatan, ada ahli sukan, ada ahli pidato dan sebagainya. Beliau turut terharu dengan pencapaian pelajar baharu UPSI itu yang sememangnya hebat dan cemerlang secara holistik, bukan semata-mata cemerlang dalam akademik tetapi seimbang dalam segenap aspek.

“Saya ingin berpesan kepada semua pelajar agar mengamalkan

budaya UPSI iaitu budaya senyum, sapa dan salam serta sentiasa mengenang jasa ibu bapa yang banyak berjasa”, katanya.

Beliau juga berharap kecemerlangan yang dimiliki pelajar dapat diteruskan agar dapat menjadi insan yang menjadi contoh kepada anak bangsa masa hadapan. Katanya, UPSI sebuah universiti yang tersohor dalam melahirkan pendidik yang berbakti di seluruh tanah air demi masa hadapan anak bangsa.

“Justeru, sepanjang pengajian kalian, mari sama-sama kita berjuang mengharumkan nama UPSI, sebuah universiti yang lengkap dengan pelbagai kemudahan yang kondusif serta terhampar indah di sisi Banjaran Titiwangsa,” katanya.



UPSI, Excelerate meterai MoU perkasa Program Pembangunan K-Youth

Tanjong Malim, 3 Oktober - EXCELERATE hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi melaksanakan Program Pembangunan K-Youth yang disasarkan kepada pelajar universiti berkenaan.

Dalam majlis menandatangani MoU yang diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan Canselori, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Pengerusi Excelerate, YAM Tunku Zain Al-‘Abidin Tuanku Muhriz berkata perjanjian persefahaman itu adalah satu penghormatan besar kepada pihak Excelerate bagi menjalankan program untuk tempoh empat tahun berturut-turut.

“Inisiatif Program Pembangunan K-Youth ini adalah usaha utama Khazanah Nasional bagi meningkatkan

kebolehpasaran belia di Malaysia. Katanya, kali ini Excelerate bekerjasama secara eksklusif dengan UPSI untuk menyampaikan Program Pembangunan K-Youth yang disasarkan kepada 550 pelajar tahun dua UPSI.

Beliau berkata program itu direka bentuk kepada pelajar UPSI untuk memberi tumpuan kepada tiga bidang penting bagi sektor ekonomi digital pada masa kini iaitu pemasaran digital, analisis data dan pengalaman pengguna.

“Melalui program ini, pelajar UPSI berupaya melengkapkan diri mereka dengan kemahiran digital yang penting untuk meningkatkan prospek pekerjaan mereka dan menyediakan mereka untuk menghadapi cabara masa depan.

“Pelajar juga akan menerima panduan

tentang strategi pencarian kerja dan mempunyai akses kepada sistem sokongan yang mantap, terdiri daripada webinar eksklusif, bengkel dan sambungan ke rangkaian Rakan Bakat Excelerate,” tambah beliau. Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata UPSI menyambut baik hasrat kerjsama ini bagi memupuk modal insan kepada pelajar yang bukan sahaja memenuhi tetapi melebihi jangkaan industri sekali gus menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara.

Menurut beliau, faktor isu pengangguran graduan masa kini disebabkan oleh jurang dalam kemahiran yang berkaitan dan kemajuan teknologi yang menghalang graduan baharu ini daripada mendapatkan pekerjaan.



Alumni UPSI terima Anugerah TOYM, kategori Pencapaian Kebudayaan



Kunjungan Hormat Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Sains dan Inovasi, Republik Uzbekistan ke UPSI



Muslim dan Hamidi Dominasi Anugerah Penyelidik Antarabangsa



UPSI Rangkul Dua Anugerah Inovasi dalam Konvensyen Inovatif dan KreatiF (KIK)